

CNS0688

U GB 20-04 00153 BB402

AAB

Mahathir - Usukan

I

LABUAN, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Usukan merupakan sebahagian daripada proses demokrasi dan membuktikan bahawa Kerajaan Pusat tidak berhasrat untuk menyekat kebebasan rakyat.

Perdana Menteri berkata, +Kita tidak suka menyekat rakyat. Ini adalah sebuah negara bebas+.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang sedang melakukan lawatan sehari ke Wilayah Persekutuan Labuan berkata: +Jika mereka (PBS) mahu keluar daripada Barisan Nasional, mereka boleh berbuat demikian. Sekiranya mereka mahu menyertai Barisan Nasional, mereka juga boleh berbuat demikian+.

Kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Usukan diisytiharkan kosong oleh Dewan Undangan Negeri Sabah berikutan wakil rakyat kawasan itu Tun Datu Mustapha Datu Harun menyertai UMNO.

- Barisan Nasional akan mempertahankan kerusi itu melalui calon UMNO. Penamaan calon akan diadakan pada 29 April ini. -- lagi

▼20/04/20-07MST

CNS0689

U GB 20-04 00187 BB403

AAB

Mahathir - Usukan 2 Labuan

Mengenai komen oleh pemimpin-pemimpin Sabah yang melahirkan rasa tidak puas hati berhubung kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik minggu lepas bahawa terdapat ketidakfahaman yang ketara di kalangan rakyat Sabah terhadap peranan menteri-menteri pusat, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebagai sebuah negara yang bebas sesiapa pun boleh membuat ulasan.

Merujuk kepada kepimpinan PBS, beliau berkata: +Mereka boleh membuat komen mereka, mereka telah memperkatakan banyak perkara mengenai Kerajaan Pusat, dan kita menganggap itu sebagai hak mereka untuk bersuara. Kita juga mempunyai hak kita+.

Mengenai Datuk Harris yang telah menganggotai UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bekas Ketua Menteri Sabah itu berpengetahuan luas mengenai pembangunan Labuan, dan beliau (Datuk Harris) bukan sahaja dapat menasihati Kerajaan Pusat tetapi juga pihak berkuasa tempatan mengenai projek-projek masa depan.

Beliau berharap Datuk Harris akan terus menyumbang apa jua bantuan dan kerjasama mengenai pembangunan pulau itu.

Perdana Menteri juga berkata bahawa semasa kunjungan singkatnya ke pulau itu beliau telah meneliti infrastruktur yang sedia ada, rancangan pengindahannya dan ruang potensi pembangunan pulau itu. -- lagi

▼20/04/20-11MST

CNS0690

U GB 20-04 00075 BB404

AAB

Mahathir - Usukan 3 Labuan

+Saya ingin tahu bagaimana Labuan boleh dimajukan lagi. Walaupun sudah terdapat infrastruktur, namun masih banyak kerja yang perlu dilakukan di kawasan-kawasan lain,+ katanya.

Perdana Menteri juga mengadakan mesyuarat tertutup dengan para pemimpin UMNO Labuan.

Antara mereka yang hadir pada mesyuarat itu ialah Ketua UMNO Bahagian Labuan, Senator Isli Siput, Anggota Parlimen Labuan, Abdul Mulok Awang Damit dan Datuk Harris. -- Bernama